

LAPORAN BERITA : Pemantauan Pengurusan Rekod Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Barat Tahun 2026

Gombak Barat, 9 Januari 2026 – Seksyen Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah melaksanakan sesi Pemantauan Pengurusan Rekod Tahun 2026 di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Barat bermula jam 10.00 pagi, selaras dengan Takwim Aktiviti JAKESS bagi tahun 2026.

Lawatan pemantauan ini bertujuan menilai tahap pematuhan pengurusan rekod kerajaan agar dilaksanakan secara sistematik dan teratur, selaras dengan peruntukan Seksyen 7(a), Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Skop pemantauan merangkumi sesi taklimat ringkas, pemerhatian di lokasi, pengauditan melalui pengesahan bukti, pengambilan sampel gambar serta sesi perbincangan bersama pegawai yang terlibat.

Lawatan pemantauan ini diketuai oleh Tuan Sofian bin Ibrahim, Pegawai Rekod Jabatan, bersama Puan Nuraziraaakmar binti Othman, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan, dengan penglibatan penuh kakitangan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Barat serta diiringi sendiri oleh Ketua Pejabat Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Barat, YA Tuan Mohd Faizal bin Habib.

Hasil pemantauan mendapati penggunaan Kod Klasifikasi Fail telah dilaksanakan sepenuhnya, termasuk penulisan tajuk dan nombor kod fail yang tepat serta pematuhan sistem manual klasifikasi fail. Fail kes yang telah selesai tindakan ditutup mengikut panduan yang ditetapkan dan disimpan di lokasi yang sepatutnya.

Bagi aspek pengurusan fail urusan am dan fungsian, Sistem e-Syariah digunakan sepenuhnya bagi pendaftaran kes Mal dan Jenayah serta diselenggara dengan baik. Penggunaan Kad Pergerakan Fail dan Kertas Minit dipatuhi sepenuhnya, manakala emel rasmi yang diterima dan dihantar turut dicetak serta difailkan mengikut fail berkaitan. Penyusunan fail aktif adalah teratur dan mudah dicapai dalam tempoh masa yang singkat, sementara fail urusan am tidak aktif ditutup mengikut prosedur selepas mencapai ketebalan yang ditetapkan. Pengurusan kaunter surat didapati memuaskan dengan penggunaan Buku Daftar Surat dan Buku Despatch yang mematuhi peraturan sedia ada.

Pemantauan ke atas Bilik Fail Aktif mendapati bilik fail berada dalam keadaan kemas, teratur dan memuaskan. Fail-fail aktif dilabel dengan jelas dan disusun secara

sistematik selaras dengan Tatacara Penjilidan, di mana fail kes Mal dan Jenayah diasingkan. Kemudahan bilik fail juga memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia, termasuk penyediaan pemadam api, alat pengesan asap dan sistem pengudaraan yang sesuai. Rekod yang telah tamat tempoh tindakan turut dikemukakan permohonan pelupusan melalui Seksyen Rekod.

Dari sudut pelupusan rekod, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Barat telah merekodkan pelupusan sebanyak 5,274 fail bagi tahun 2025, melibatkan kategori rekod Mal dan Jenayah. Bagi lokasi MRS Gombak Barat, rekod pelupusan melibatkan tahun rekod 2014, 2017 dan 2022. Manakala bagi penjilidan, tiada penjilidan rekod fungsian direkodkan bagi tahun 2025.

Kesimpulan dan Cadangan Penambahbaikan

Secara keseluruhannya, tahap pematuhan pengurusan rekod di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Barat adalah baik dan memuaskan. Namun demikian, hasil pemantauan mendapati pindaan kod pendaftaran kes Mal dan Jenayah dalam Sistem e-Syariah Versi 3 tidak selari dengan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2020. Sehubungan itu, perkara ini akan diusulkan dan dibincangkan oleh Seksyen Rekod JAKESS bersama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Kakitangan mahkamah didapati mempunyai pengetahuan umum yang baik berkaitan pengurusan rekod. Walau bagaimanapun, pemerhatian terhadap bilik fail mendapati penggunaan rak kayu tidak sesuai untuk penyimpanan rekod jangka panjang kerana faktor keselamatan, kelembapan dan serangan serangga, manakala rak besi terbuka adalah lebih sesuai dan tahan lasak. Dokumen penting seperti Perintah Penghakiman, Alasan Penghakiman dan Catatan Hakim juga perlu disimpan di dalam bilik dan rak khas bagi mengekalkan jangka hayat rekod.

Selain itu, persekitaran bilik fail yang teratur dan terkawal dapat mengurangkan risiko kerosakan rekod. Namun, lokasi bilik fail di Tingkat 2 bangunan pejabat Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) didapati kurang sesuai untuk kerja pelupusan kerana menyukarkan pengangkutan fail, berbanding bilik fail di tingkat bawah yang lebih praktikal.

Sehubungan itu, beberapa cadangan penambahbaikan dikemukakan, antaranya memastikan pindaan kod pendaftaran kes diselaraskan dengan Jadual Pelupusan Rekod Jabatan, menyediakan latihan berkala kepada kakitangan, menyimpan dokumen penjilidan dan rekod penting di tempat yang terkawal selaras dengan Seksyen 33, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], serta menggantikan rak kayu dengan rak besi terbuka. Penilaian semula kesesuaian bilik fail dan pemaksimuman penggunaan bilik fail di tingkat bawah juga dicadangkan bagi meningkatkan kecekapan, keselamatan dan keberkesanan pengurusan rekod jabatan.





